

NCR: Penduduk asal Sabah masih ada harapan, kata profesor UMS

DE 08.08.2012 2

Sherell Ann Jeffrey

KOTA KINABALU: Masih ada harapan bagi penduduk asal di Negeri ini berbanding negara Asean berkaitan dengan Hak Adat Anak Negeri (NCR), kata Profesor Madya Dr Fadzilah Majid Cooke dari UMS.

Fadzilah seorang profesor dalam sosiologi alam sekitar di Sekolah Sains Sosial berkata, penduduk asal di sini masih mempunyai harapan kerana tidak timbul soal hutang.

“Isu berkaitan hutang dalam kalangan pemilik tanah adalah apa yang membebankan orang-orang asal dari negara Asean yang lain tetapi perkara itu tidak timbul di sini, satu-satunya isu di sini adalah kehilangan tanah,” katanya.

“Ini mungkin disebabkan jumlah penduduk yang lebih kecil di Sabah berbanding tempat-tempat di Jawa dan Sulawesi.

“Tetapi jika kita tidak menjaga orientasi kita tentang bagaimana kita mengurus tanah mungkin pada masa akan datang kita bukan sahaja akan kehilangan tanah tetapi juga isu

hutang juga akan timbul,” katanya.

Beliau berkata demikian sebagai menjawab soalan yang dikemukakan Pengerusi Suhakam Tan Sri Hasmy Agam yang bertanya apakah kedudukan NCR di Malaysia jika dibandingkan dengan negara Asean yang lain semasa Siasatan Kebangsaan selama empat hari mengenai Hak Tanah Penduduk Asal/Asli di Malaysia di Wisma Sedco, Khamis.

“Mungkin negara lain mengiktiraf hak asal kepada tanah tetapi daripada segi dasar dan tindakan yang diambil kerajaan ia sebenarnya memberi kesan negatif.

“Ini kerana, walaupun ia diiktiraf di situ, tetapi tindakan sebenar mereka tidak menunjukkan yang mereka mengiktiraf hak penduduk asal,” katanya.

Beliau memberi contoh Indonesia dan Kemboja di mana penduduk asalnya terus diletakkan dalam keadaan seperti “masuk ke mulut buaya”, di mana mereka didorong supaya berhutang dan akhirnya terpaksa menjual tanah mereka seterusnya mencetuskan isu hutang.

Berhubung soalan yang diajukan Pesuruhjaya Muhamad Sha’ani mengenai sama ada terdapat kepentingan diri dalam konflik NCR, beliau berkata: “Ya terdapat banyak kepentingan diri, itulah kenapa berlakunya konflik.

Muhamad menjelaskan, Suhakam telah menerima banyak aduan daripada masyarakat tempatan berhubung perkara itu dan mahu mendapatkan pandangan peribadi beliau mengenainya.

Beliau menjawab, beliau tidak menyalahkan sesiapa tetapi berdasarkan kaji selidik mereka terdapat tahap tertentu kepentingan diri, daripada segi politik, kerenah birokrasi dan daripada masyarakat itu sendiri.

“Tetapi yang tersepit di tengah-tengah ialah birokrat, merekalah yang mengurus tanah dan hutan, dan disebabkan mereka juga mahu hidup, mereka kadang kala mengikut rentak yang mereka mainkan di peringkat atas.

“Mereka juga dikawal oleh Akta-Akta lama, sebagai contoh Ordinan Tanah Sabah 1930, yang telah wujud sejak era penjajah lagi, malah ia sudah wujud semasa era Komponi Borneo Utara.

“Penjajah ketika itu memikirkan tidak dipindahkan kerana menghormati Ordinan tersebut, tetapi soalan yang perlu kita tanya kenapakah pemikiran penjajah itu masih diamalkan hingga sekarang,” tanya beliau, sambil memberi contoh pemikiran penjajah adalah seperti hak tanah hanya diiktiraf apabila ada geran tanah.

“Kenapakah kita sebagai sebuah negara merdeka, tidak memindanya atau mempersoalkan Akta ini?



Fadzilah

Beliau menjelaskan, Ordinan 1930 itu diwujudkan dengan kepentingan diri yang menyokong Komponi Borneo Utara daripada segi kepentingan perladangan.

“Ordinan tanah itu diwujudkan kerana kepentingan perladangan yang mewujudkan zon-zon di mana pertanian harus dilaksanakan, di mana tanah kampung harus berada dan juga disebabkan Sistem Torrens, semua ini adalah penjajahan.

“Sehingga sekarang kesannya jelas, kenapa kita sebagai sebuah negara merdeka tidak mempersoalkan sistem penjajah ini yang telah menyebabkan penduduk asal menunggu bertahun-tahun lamanya untuk geran tanah mereka diluluskan?

“Jadi di sini isu kepentingan diri timbul sekali lagi,” kata Fadzilah yang memberi pandangan peribadinya.

“Berbalik kepada soalan itu, ya birokrat tersepit disebabkan berlaku konflik kepentingan daripada peringkat atas hingga ke bawah yang perlu diselaraskan tetapi para birokrat itu juga tidak mempersoalkan sistem penjajah itu yang pengaruhnya masih kuat,” kata beliau.